

Kajian ekonomi bumiputera ASLI boleh kelirukan rakyat

Oleh ABDUL YAZID ALIAS

KUALA LUMPUR 6 Okt. - Hasil kajian yang mendakwa bumiputera menguasai 45 peratus ekonomi oleh Institut Kajian Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) boleh mengelirukan serta menimbulkan rasa tidak puas hati golongan itu.

Kajian itu boleh menimbulkan tanggapan yang salah dan seterusnya memberi kesan terhadap pelaksanaan pembangunan ekonomi golongan bumiputera.

Ini kerana, maklumat kajian itu dikatakan tidak mengambil kira kesemua petunjuk lain dalam menentukan kedudukan sebenar bumiputera dalam ekonomi.

Profesor Diraja Ungku Aziz berkata, hasil kajian itu dilihat tidak benar kerana ia tidak menumpukan perkara-perkara penting lain seperti agihan pemilikan dan pendapatan bumiputera dengan bukan bumiputera.

"Banyak statistik menunjukkan jumlah agihan pemilikan, nilai aset seperti bangunan, tanah, rumah, kenderaan dan pendapatan per kapita golongan bukan bumiputera adalah dua kali ganda tinggi daripada bumiputera.

"Justeru dakwaan kajian itu yang mengatakan 45 peratus bumiputera mencapai penguasaan ekonomi dilihat tidak benar kerana hakikatnya bumiputera masih lagi berada di bawah sasaran kerajaan iaitu 30 peratus.

"Oleh itu, ia dilihat tidak adil kepada bumiputera kerana ia tidak mencerminkan keadaan sebenar golongan bumiputera yang mana mereka masih lagi perlu dibantu,"

Um-7/10/2006
Banyak statistik menunjukkan jumlah agihan pemilikan, nilai aset seperti bangunan, tanah, rumah, kenderaan dan pendapatan per kapita golongan bukan bumiputera adalah dua kali ganda tinggi daripada bumiputera

PROFESOR
DIRAJA
UNGKU AZIZ

katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kajian ASLI bertajuk *Pengagihan Ekuiti Korporat: Arah Aliran Lalu dan Polisi Masa Depan* yang mendakwa bumiputera sudah mencapai ekuiti ekonomi dalam negara sehingga 45 peratus iaitu melepasi sasaran DEB sebanyak 30 peratus.

Keadaan itu telah menimbulkan pelbagai persoalan pelbagai pihak yang tertanya-tanya bagaimana bumiputera mencapai tahap tersebut sedangkan ketika ini bumiputera hanya mencapai 18 peratus dalam penguasaan ekonomi.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menyifatkan jika hasil kajian itu digunakan sebagai asas perbincangan oleh satu badan pemikir yang terkenal itu, ia boleh mencetuskan pelbagai reaksi yang akhirnya boleh menyebabkan wujudnya tuduh-menuduh.

Sementara itu, Felo Perunding, Yayasan Kajian dan Strategik Melayu (YKSM), **Datuk Mohamed Dahlan Abdul Latiff** berkata, hasil kajian itu tidak boleh digunakan untuk melambangkan penguasaan bumiputera dalam ekonomi kerana ia bersifat terhad.

Katanya, sekiranya dakwaan itu benar,

ASLI juga sepatutnya mengambil kira pemilikan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan perniagaan-perniagaan kecil lain yang majoritinya dimiliki oleh bukan bumiputera.

Ini kerana, katanya, kajian seumpama itu secara tidak langsung mampu mengundang pelbagai persoalan ataupun mewujudkan pertembungan antara kedua-dua golongan.

"Dengan hanya mengambil 1,000 syarikat bumiputera yang besar sebagai sampel untuk kajian ini adalah tidak lengkap kerana terdapat banyak syarikat IKS yang menyokong syarikat besar dalam negara ini dimiliki bukan bumiputera.

"Tindakan ini adalah tidak bertanggungjawab kerana dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), perhatian sememangnya diberikan kepada golongan yang berada di bawah 50 peratus berbanding golongan yang melebihi 50 peratus supaya jurang pendapatan ini dapat diimbangi.

"Tambahan itu, setiap kajian yang dijalankan sepatutnya memberi manfaat dan sumbangan kepada negara dan bukannya mempersoalkannya," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Ekono-

mi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Muzafar Shah Habibullah** menyifatkan hasil kajian itu tidak seimbang dengan apa yang berlaku.

Katanya, masih ramai bumiputera di negara ini dihimpit kemiskinan serta kurang penyertaan dalam ekonomi dan ia memerlukan perhatian khusus.

"Kajian ini tidak patut direncanakan sedemikian rupa kerana jelas ia mengelirukan serta tidak menepati realiti yang berlaku.

"Oleh yang demikian satu kajian lain perlu dilaksanakan bersama-sama pendekatan penyelesaian bagi merapatkan jurang ekonomi ini," ujarnya.